

NO. SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk menggesa Kerajaan Negeri membuka semula Bazar Ramadhan di Taman Cempaka, Melaka sebagai salah satu produk Tahun Melawat Malaysia 2014 yang pernah dimasukkan di dalam kalendar pelancongan Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Melaka bahawa sejak tahun 2013, Bazar Ramadhan di Taman Cempaka telah dipindahkan ke lokasi yang baru di Jalan Hang Tuah. Pemilihan lokasi baru di Jalan Hang Tuah adalah berdasarkan kepada ruang niaga yang lebih luas di mana sebanyak 140 buah tapak niaga telah dibuka berbanding hanya 36 buah tapak niaga sahaja di Taman Cempaka.

Hasil maklumbalas yang diterima, menunjukkan bahawa Bazar Ramadhan di Jalan Hang Tuah telah menerima kehadiran pengunjung yang ramai dan para peniaga juga memperoleh keuntungan yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Bersempena dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan meningkatkan promosi Bazar Ramadhan di Jalan Hang Tuah sebagai salah satu Festival Bazar Ramadhan di negara ini di sepanjang Bulan Ramadhan.

Sekian, terima kasih.